

11/03/1999

Pusat tidak abai hak Sabah: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

KOTA KINABALU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menegaskan, Kerajaan Pusat tidak berhasrat menafikan hak rakyat Sabah apabila menyatakan tidak akan bekerjasama dengan pembangkang selepas pilihan raya nanti.

Menurut Perdana Menteri, bantuan tetap akan disalurkan ke negeri ini jika pembangkang memerintah tetapi ia terhad dan hanya berdasarkan Perlembagaan.

Sebaliknya, kata beliau, Kerajaan Pusat akan menghulurkan segala bentuk bantuan untuk kesejahteraan rakyat Sabah menerusi kerjasama dengan kerajaan negeri jika Barisan Nasional (BN) diberikan mandat memerintah.

"Sehubungan itu, BN memerlukan sebuah kerajaan yang kukuh di peringkat negeri bagi membolehkan kerajaan membangunkan Sabah," katanya pada Malam Muhibah anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Penampang, di sini.

Hadir sama ialah Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok yang akan bertanding di Moyog, dalam Parlimen Penampang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menjawab dakwaan pembangkang, terutama yang dibuat oleh Pemangku Presiden Bersekutu, Datuk Harris Salleh, kononnya Kerajaan Pusat tidak berlaku adil jika enggan bekerjasama dengan pembangkang walaupun menang pada pilihan raya ini.

"Kita akan kerjasama tetapi ia adalah terhad. Tanggungjawab kita adalah terhad mengikut peraturan dan Perlembagaan. Kita tidak boleh buat lebih daripada peruntukan Perlembagaan, tetapi kita akan sokong dan bekerjasama dengan kerajaan BN.

"Kita membantu Sabah tetapi tidak boleh lebih murah hati seperti kita murah hati kepada Kerajaan BN," katanya.

Dr Mahathir meminta pengundi khususnya masyarakat Cina memberikan undi mereka kepada BN bagi meneruskan kesinambungan kemajuan ekonomi, sekali gus membantu mereka yang kebanyakannya terbabit dalam sektor perniagaan.

Menurutnya, rekod kerja BN yang terbukti dengan kejayaan menangani kegawatan ekonomi, perlu diteruskan di Sabah bagi memastikan ahli perniagaan mampu menjalankan perniagaan secara berkesan dan menguntungkan.

"Jika kita sokong BN, kedudukan kerajaan akan bertambah kukuh. Kedudukan ekonomi negara dapat dipertahankan, sekali gus membantu peniaga, terutama orang Cina," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan percaya dengan sesiapa sahaja untuk menerajui pemerintahan negeri Sabah, termasuk kaum Kadazandusun dan Cina.

Ini terbukti dengan kesediaan kerajaan mengadakan pilihan raya ketika Dompok menjadi Ketua Menteri.

"Kita percaya dan yakin dengan Dompok untuk terus menjadi Ketua Menteri. Jika BN tidak ada kepercayaan padanya, kita boleh mengadakan pilihan raya sebelum beliau menjadi Ketua Menteri dahulu," katanya.

Beliau juga berkata, kesediaan Dompok keluar daripada Parti Besatu Sabah (PBS) selepas pilihan raya 1994 dan menyertai BN adalah bukti bahawa kerajaan pembangkang tidak mampu membangunkan negeri ini.

(END)